

[Halaman Utama](#) » [Sabah](#) » Kerjasama UMS-YKN bakal wujud pusat sehenti gabungan komponen sosial pertama di Malaysia

# Kerjasama UMS-YKN bakal wujud pusat sehenti gabungan komponen sosial pertama di Malaysia

2019-04-16T15:52:55+08:00



KAMARUDIN (kiri) dan Che Asmah (kanan) saling bertukar dokumen perjanjian sambil diperhatikan Wan Azizah.

KOTA KINABALU: Kerjasama di antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyaksikan sebuah pusat sehenti yang menggabungkan komponen sosial seperti Anjung Kasih, Anjung Singgah, Food Bank dan lain-lain yang bercirikan elemen kebajikan sedang dalam perancangan untuk diwujudkan di tanah kebajikan UMS.

Projek usahasama antara YKN dan UMS itu adalah yang pertama diwujudkan di Malaysia sesuai dengan keperluan masyarakat di Sabah.

Kerjasama YKN dan UMS itu dimeterai dalam satu Majlis Penyampaian Tajaan dan Tandatangan Memorandum Bersama Rakan-rakan Strategik YKN yang berlangsung di Dewan Perdana Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, di sini pada Isnin.

Majlis itu disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Penggerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Projek pusat sehenti itu adalah kesinambungan terhadap kolaborasi yang sedia terjalin antara kedua-dua pihak yang sebelum ini telah menjalinkan kerjasama dalam menyediakan perkhidmatan rawatan kemudahan di Pusat Dialisis UMS-YKN Kota Kinabalu untuk manfaat masyarakat setempat.

Terdahulu, UMS diwakili oleh Naib Canselor Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin menandatangani dokumen perjanjian itu. YKN diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Datin Paduka Che Asmah Ibrahim.

Dalam pada itu, Wan Azizah dalam ucapannya berkata kolaborasi yang dijalin antara YKN dan Rakan-rakan Strategik YKN itu dapat memperkasakan komuniti untuk meningkatkan taraf hidup golongan sasar YKN terutama sekali mereka yang memerlukan bantuan.

“Saya menyeru dan mengalu-alukan agar lebih banyak syarikat korporat, GLC, institut pendidikan tinggi, agensi kerajaan, institusi kewangan, badan bukan kerajaan (NGO) dan juga individu untuk tampil membantu mereka yang memerlukan dan kurang berkemampuan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing,” katanya.

Pada majlis itu, UMS adalah salah satu daripada 13 Rakan Strategik yang menandatangani jalinan kerjasama dengan YKN.